

**PENYELARASAN PROSES PERKAHWINAN  
DALAM UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM  
(KAJIAN KHUSUS DI MALAYSIA DAN INDONESIA)**

**OLEH  
ABDUL HALIM AZIZI BIN HAJI ABD. RAHMAN  
G9210952**

DONATED TO THE LIBRARY OF  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY  
BY

.....  
*Wahyuni of Lewis*  
.....

Date Received : .....

**DIPLOMA KEHAKIMAN DAN  
PENTADBIRAN ISLAM  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA  
PETALING JAYA  
SELANGOR DARUL EHSAN  
SESI 1992 / 1993**

### DECLARATION OF AUTHOR'S RIGHTS

The copyright of this thesis belongs to the author under the terms of the Copyright Act, 1987 (Act 332) Due acknowledgement must always be made of the use of any material contained in, or derived from this thesis.

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY LIBRARY	
Copy no.:	2 62945 (C)
Date :	3/4/93 mz

## KATA PENGANTAR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama ALLah yang Maha Pengasih, Lagi Maha Penyayang. Syukur Alhamdulillah, saya ucapkan kehadiran ALLah SWT yang telah melimpahkan taufik serta inayahNya sehingga projek ini dapat diselesaikan. Selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad s. 'a.w. yang telah membimbing umat manusia dari jalan yang sesat kepada jalan yang diredhai.

Untuk memenuhi tugas-tugas dan memenuhi syarat-syarat dalam mengikuti kuliah DAIJ di Universiti Islam Antarabangsa Petaling Jaya. Dengan kemampuan yang ada, saya cuba menyusun sebuah projek kertas kerja dengan tajuk **“Penyelarasan Proses Perkahwinan Dalam Undang-Undang Keluarga Islam (Kajian Khusus Di Malaysia dan Indonesia)”**.

Dalam penyusunan projek ini, saya banyak mengalami kesulitan-kesulitan dan hambatan-hambatan, terutama kurangnya buku-buku pegangan yang kami miliki dan perbendaharaan pengetahuan yang saya miliki, namun berkat kesungguhan, kesulitan dan hambatan-hambatan itu mudah-mudahan dapat di atasi.

Saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada penyarah-pensyarah, ustaz-ustaz yang telah banyak memberikan ilmu

pengetahuan dan tunjuk ajar kepada kami dalam mengikuti perkuliahan ini dan juga kami tidak lupa mengucapkan kepada kakitangan pentadbiran UIA yang telah banyak memberi bantuan kepada kami.

Akhirnya saya berdoa kehadiran ALLah SWT semoga segala bantuan yang diberikan tersebut di atas mendapat balasan yang berlipat ganda, dan kami berharap semoga projek ini dapat memenuhi tujuan yang dimaksudkan dan bermanfaat bagi kita semua.

*Amin Ya Rabbal Alamin.*

## **PENDAHULUAN**

### **A. Latar Belakang Permasalahan**

Makhluk ciptaan ALLah yang paling mulia dan tinggi darjatnya adalah manusia. Pada dasarnya manusia dilahirkan mempunyai institusi untuk beragama. Di dalam menjalani kehidupan, manusia dituntut berbuat sesuatu dengan cara yang baik sesuai dengan norman-norma dalam falsafah hidup diri masing-masing, bangsa dan aama yang dianutnya, baik dalam perbuatan atau tingkah laku haruslah sesuai dengan keperibadian bangsa itu sendiri dan mengikut peraturan-peraturan tempat itu sendiri.

Tabiat manusia di dalam menjalani kehidupan sehari-hari yang suka melakukan perkara-perkara yang menyalahi sama ada dengan sengaja atau tidak sengaja atau seorang yang melakukan itu tidak mengetahui sama ada betul atau salah.

Sebagai bangsa yang memiliki keperibadian yang tinggi hanya yang boleh mengatur dan mengawal manusia-manusia ini dengan undang-undang sahaja, sama ada undang-undang ALLah SWT ataun undang-undang ciptaan manusia.

Oleh itu dalam pembahasan saya ini, saya hanya mencari permasalahan yang timbul dalam undang-undang khususnya undang-undang perkahwinan di antara negara Malaysia dan Indonesia.

## **B. Tujuan Pembahasan**

1. Memandangkan hubungan di antara negara Malaysia dan Indonesia begitu erat, maka banyak permasalahan yang timbul terjadi yang mesti diselesaikan terutama masalah perkahwinan di antara kedua belah pihak.
2. Untuk menambahkan pengetahuan dalam bidang undang-undang terutama undang-undang perkahwinan orang-orang Islam di Malaysia dan Indonesia yang ada hubungan dengan kerjaya.
3. Sebagai memenuhi tugas dan persyaratan untuk memperolehi Diploma Undang-Undang UIA.

## **C. Methodologi Pembahasan**

Dalam membahas projek kertas kerja ini, penulis memahami methodologi induktif iaitu mengemukakan permasalahan secara umum sehingga memperolehi kesimpulan serta mempedomani pendapat para ahli yang kami ambil dari buku yang ada kaitannya dengan permasalahan yang dibahas.

## **D. Sistematik Pembahasan**

Dalam membahas projek ini, penulis membahagikan kepada 4 bab iaitu :

Pada bab I penulis cuba menulis mengenai sejarah Undang-Undang Keluarga Islam sama ada di Malaysia mahupun Indonesia. Dengan secara ringkas juga penulis menceritakan keanekaragaman undang-undang keluarga Islam dari kedua belah negeri.

Dalam bab II penulis cuba menceritakan Pengertian Perkahwinan secara umum, secara Islam dan menurut undang-undang perkahwinan dari kedua-dua buah negeri iaitu Malaysia dan Indonesia.

Dalam bab III penulis cuba menceritakan bagaimanakah proses perkahwinan dilakukan menurut undang-undang perkahwinan seperti pertunangan, syarat-syarat perkahwinan, rukun-rukunnya, pembatalan akad perkahwinan dan mengenai perwalian.

Dalam bab terakhir iaitu bab IV di sini penulis hanya menceritakan kesimpulan dan saranan-saranan yang dianggap perlu.

**PENYELARASAN PROSES PERKAHWINAN  
DALAM UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM  
(KAJIAN KHUSUS DI MALAYSIA DAN INDONESIA)**

KATA PENGANTAR .....	i
PENDAHULUAN .....	iii
DAFTAR ISI .....	vi

**BAB I :**

**Pengenalan Undang-Undang Secara Ringkas**

A. Sejarah Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia .....	1
B. Sejarah Undang-Undang Perkahwinan di Indonesia .....	8
C. Keanekaragaman Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia dan Indonesia .....	15

**BAB II :**

**Pengertian Perkahwinan**

A. Secara Umum .....	19
B. Menurut Islam .....	20
C. Menurut Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia dan Indonesia .....	26

**BAB III :**

**Proses Perkahwinan di Malaysia dan Indonesia  
Menurut Undang-Undang Perkahwinan**

A. Pertunangan Atau Perjanjian .....	28 & 66
B. Syarat-Syarat Perkahwinan .....	38 & 66
C. Rukun-Rukun Perkahwinan .....	55
D. Pembatalan Akad Perkahwinan .....	61 & 76
E. Perwalian .....	64 & 84

**BAB IV :**

**Penutup**

Kesimpulan .....	86
Saranan-Saranan .....	88
Daftar Pustaka .....	89
Lampiran-Lampiran .....	



## BAB I

### Pengenalan Undang-Undang Secara Ringkas

#### 1. Sejarah Undang-Undang Keluarga Islam Malaysia

##### 1.1. Undang-undang Islam sebelum penjajah Barat.

Sejarah bermula undang-undang Islam di Tanah Melayu (Malaysia sekarang) adalah berasal dari Melaka pada abad ke 15, yang dibawa oleh mubaligh dan pedagang-pedagang dari Arab dan India. Pada masa itu Sultan Melaka yang beragama Hindu dan kemudian memeluk agama Islam.

Agama Islam yang pada mulanya berperanan pada bidang yang berkaitan dengan hal ehwal agama yang dianut saja secara meluas di kalangan penduduk, tetapi lama kelamaan mempengaruhi dan berpengaruh sehingga ia menjadi prinsip dasar, kemudian prinsip tadi dijadikan Undang-Undang Melaka.<sup>1</sup> Dalam undang-undang ini memperuntukkan hukum mengenai jenayah, muamalat, keluarga, keterangan acara dan syarat-syarat menjadi pemerintah.

Mengenai undang-undang perkahwinan orang Islam terikat dalam Bab 25 hingga 28. Dalam bab ini menerangkan berkenaan dengan peraturan yang mengawal keperluan seorang wali dan fungsinya. Peraturan ini digariskan

---

<sup>1</sup> MB. Hooker, Undang-Undang Islam di Asia Tenggara (diterjemah oleh Rohani Abdul Rahim, Raja Rohana Raja Mamat, Anisah Che Ngah) Dewan Bahasa Pustaka, K. Lumpur 1991, m.s. 10.

menurut mazhab Syafie yang telah diringkaskan, saksi, khiyar akad, peraturan perkahwinan serta syarat-syarat yang membolehkan, asak, talak, hukum perkahwinan orang Islam dengan bukan Islam dan hukum perkahwinan orang merdeka dengan hamba.<sup>2</sup>

Kemudian Undang-Undang Melaka ini mempengaruhi negeri-negeri Melayu yang lain dalam mengkanunkan undang-undang mereka.

## 1.2 Undang-Undang Islam Pada Masa Penjajah Barat

British mengambil alih Melaka dari tangan Belanda pada tahun 1825 secara perjanjian yang dinamakan Perjanjian British Belanda; maka bermulalah undang-undang British bertapak di negeri Selat. Sebelum itu British telah bertapak di Pulau Pinang dengan membawa undang-undang yang dinamakan Piagam Keadilan Pertama pada tahun 1807. Piagam tersebut menubuhkan Mahkamah Keadilan yang mempunyai semua kuasa mahkamah.

Kemudian Piagam Kedua pula pada tahun 1826 yang dilaksanakan di negeri-negeri Selat iaitu Pulau Pinang, Melaka dan Singapura. Piagam Kedua ini sama bentuknya dengan Piagam Pertama. Piagam Keadilan Ketiga pada tahun 1855 yang diberikan kepada Syarikat Hindia Timur. Piagam ini mempunyai bidang kuasa yang sama dengan Piagam Pertama dan Kedua dalam Mahkamah British.<sup>3</sup>

---

<sup>2</sup> *ibid*, m.s. 12 -14.

<sup>3</sup> Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned, *Sistem Undang-Undang di Malaysia*, Dewan Bahasa Pustaka, Ampang Selangor, 1992, m.s. 19.

Dengan ini bermulalah undang-undang Inggeris terpakai dan dianggap sebagai Undang-Undang Asas di negeri-negeri Selat. Mengenai hukum Islam penjajah Inggeris memberi ruang kepada orang-orang Islam contohnya Hukum Akad Nikah telah dikenalkan dan Undang-Undang No. V tahun 1880, dan orang yang berkuasa menjalankan undang-undang ini adalah Kadi yang dilantik oleh Gabenor. Pada tahun 1923 suatu Pindaan Undang-undang telah dibuat iaitu Pindaan No. 26, 1923 dengan menambah bidang kuasa Hukum Islam mengenai pewaris harta yang tidak diwasiatkan. Sebenarnya undang-undang itu diberi nama Muhammadan Law 1880.<sup>4</sup>

Pengaruh Inggeris dan Undang-undangnya kepada orang Melayu Islam adalah apabila Raja Melayu bersetuju menerima semua nasihat British kecuali dalam bab hal ehwal agama. Dengan ini penjajah Inggeris cuba pula memperkenalkan undang-undang ke negeri-negeri Melayu Bersekutu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.

Di Perak dengan nama : Perak Registration of Mohammedan Marriage and Divorses Enactment 1885. Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan, Mohammedan Marriage and Divorses Cap. 197 of the Revised Laws of the Federated Malay States 1935. Undang-undang ini terus dipakai sehingga dibuat undang-undang yang baru iaitu Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam ;

- Selangor 1952
- Perak 1965
- Negeri Sembilan 1960

sehingga sekarang masih digunakan.

---

<sup>4</sup> *ibid*, m.s. 52.

Bagi Negeri Tidak Bersekutu seperti Johor, Perlis, Kedah, Terengganu dan Kelantan; negeri ini juga tidak terlepas dari pengaruh Inggeris Mohammaden Low Enactment untuk undang-undang perkahwinan dan cerai sehingga dilaksanakan iaitu Undang-Undang Pentadbiran yang ada sekarang ;

- Johor 1978
- Perlis 1964
- Kedah 1962
- Terengganu 1955
- Kelantan 1966

Begitu juga Negeri Selat turut menerima perubahan menukar undang-undang yang lama kepada Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam.

- Pulau Pinang 1959
- Melaka 1959.<sup>5</sup>

Jelaslah bahawa kedatangan Inggeris ke Tanah Melayu banyak memberi kesan negatif kepada undang-undang yang ada pada masa itu, iaitu undang-undang Islam yang menjadi undang-undang asas kepada Negeri Melayu yang mengarahkan semua undang-undang yang ada dalam Islam misalnya munakahat, jenayah, keluarga dan lainnya yang mana kita lihat sehingga sekarang hanya tinggal beberapa bidang kuasa sahaja.

---

<sup>5</sup> Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned, Sistem Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia, m.s. 55.

## Undang-Undang Keluarga Islam Masa Sekarang

Pengaruh undang-undang yang dibuat pada masa penjajah Inggeris iaitu Mohammaden Low, sedikit sebanyak mempengaruhi undang-undang Islam yang ada masa sekarang sebagaimana penulis telah tuliskan dalam bab ini sebelumnya.

Dalam masalah Undang-Undang Keluarga Islam, pada mulanya ia menjadi sebahagian dari Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam sehingga sekarang masih wujud. Oleh sebab beberapa tekanan dari beberapa pihak terutama dari sarjana undang-undang pencinta Islam dan masyarakat Islam maka Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam dibuat walaupun masalah perkahwinan dan hubungannya ada terdapat dalam Enakmen Pentadbiran dan kebanyakan negeri sekarang sudah pun berpisah. Ini supaya dapat disesuaikan atau dapat diorientasikan kepada suasana sekarang.

Mari kita lihat pemisahan-pemisahan yang berlaku dari setiap negeri di mana Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam sudah berdiri sendiri; walaupun di setengah-setengah negeri belum berbuat demikian seperti negeri yang tersebut di bawah ini.

- a) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Selangor, 3/1952, 4/1960, 7/1961, 8/1962.  
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 1984 Selangor No.4/1984.
- b) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Perak 11/1965.  
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Perak 1984, No.13/1984.

- c) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Terengganu 4/1955,  
2/1964.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 1986.
  
- d) Enakmen Mahkamah Syariah dan Hal Ehwal Perkahwinan Islam  
Kelantan, 12/1966.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 1983 Kelantan No.1/1983.
  
- e) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Agama Islam Pahang, 5/1956,  
2/1960, 14/1960, 12/1963.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang 1984.
  
- f) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Melaka 1/1959.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 1983 Melaka, No.8/1983.
  
- g) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Pulau Pinang 3/1959.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga 1985 Pulau Pinang, No.2/1985.
  
- h) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Sembilan  
15/1960.
- Enakmen Undang-Undang Islam Negeri Sembilan 1983, No.7/1983.
  
- i) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Kedah, 9/1962, 1/1963,  
8/1965/1978.
- Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam 1984 Kedah,  
No.1/1984.

- j) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Perlis 3/1964.
- k) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Johor 14/1978.
- l) Ordinan Pentadbiran Undang-Undang Islam Sabah, 1971/1977.
- m) Undang-Undang Mahkamah Melayu Sarawak dan Majlis Ordinan 1954/1977.
- n) Wilayah Persekutuan.
  - Enakmen yang digunakan ialah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Selangor 1952 yang diubahsuai mengikut Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak) 1974.
  - Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984.<sup>6</sup>

Untuk memperkemas lagi undang-undang Islam sama ada Undang-Undang Pentadbiran dan juga Undang-Undang Keluarga satu jawatan kursus telah dibentuk yang dinamakan Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syariah dan Sivil, di mana tugas mereka untuk menggubal undang-undang dan juga cuba menyelaraskan semua undang-undang Islam yang ada dalam Malaysia supaya tidak ada kesamaran di antara satu negeri dengan satu negeri yang lain seperti yang sedia ada sekarang. Misalnya masalah poligami di satu daerah (negeri) cara membuat permohonannya berbeza. Hal ini sudah diterangkan sebelumnya.

---

<sup>6</sup> *ibid*, m.s. 55.

## 2. Sejarah Undang-Undang Perkahwinan Indonesia

Indonesia adalah merupakan negara yang lebih awal menerima agama Islam di rantau Asia Tenggara terutama Aceh dan Sumatera yang dibawa oleh pedagang Arab dan pendakwah seperti halnya di Melaka yang dibawa oleh pedagang Islam.

Islam datang ke Indonesia terpaksa bersaing dengan adat tempatan. Dalam penulisan mengenai undang-undang Islam tidak terdapat pengkhususan tentang masalah ini. Jika adapun hanya disentuh sebahagian saja, misalnya penulis yang terkenal iaitu Hamzah Fansuri pada awal abad 17 dalam buku *Shawab al-Ashikin* yang lebih menjurus kepada ilmu tasawuf, di mana dalam buku ini beliau membincangkan kepada empat bab.

1. Syariat iaitu membincangkan undang-undang Islam.
2. Tariqat iaitu membincangkan jalur ke arah penyeraha diri.
3. Hakikan iaitu membincangkan tentang kesedaran dan pengetahuan sendiri dan kewajiban.
4. Makrifat iaitu membincangkan tentang kenyataan yang unggul dan penyatuan dengan Tuhan.<sup>7</sup>

Dari keterangan di atas tadi jelaslah penulisan mengenai undang-undang Islam hanya sebahagian saja. Walau bagaimanapun banyak juga terdapat penulisan mengenai agama Islam tetapi hanya bersifat sejarah, misalnya *Hikayat Anbiyak*, *Hikayat Yusuf*, *Hikayat Nur Nabi Muhammad* iaitu pada tahun 1688

---

<sup>7</sup> M.B. Haoker, *Undang-Undang Islam di Asia Tenggara*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Ampang Selangor 1991, m.s.7 (terjemahan).



dan tidak kurang juga terjemahan dari kitab Arab dahulu yang sangat berpengaruh kepada kehidupan penduduk setempat misalnya kitab yang ditulis oleh Sa'ad al-Din Mas'ud al-Ahaid al-Nasatiya pada tahun 1347. Perkara-perkara yang dibincangkan termasuk puasa, menunaikan haji, zikir, arak dan riba<sup>8</sup> dan banyak lagi kitab-kitab Arab yang diterjemahkan ke bahasa daerah Indonesia.

Kalau kita perhatikan bahawa kebanyakkan kitab-kitab yang dikarang/tulis mengenai agama Islam adalah merupakan dokumen sejarah<sup>9</sup>, untuk mendapatkan pemahaman undang-undang hendaklah kita merujuk kepada kes dan sejarah itu sendiri; kerana tidak terdapat penulisan pengkhususan mengenai undang-undang Islam.

Mengenai undang-undang perkahwinan Islam (dalam pembahasan kita) tidak terdapat penulisan mengenai hal ini. Ini berkemungkinan bahawa penduduk Indonesia 95% penganut Islam dan tidak menjadi masalah kepada pemerintah kerana banyak terdapat kitab agama Islam, sama ada yang asal mahupun yang sudah diterjemahkan. Sekiranya timbul masalah maka bolehlah dirujuk kepada kitab ini.

---

<sup>8</sup> M.B. Haoker, Undang-Undang Islam di Asia Tenggara, Dewan Bahasa dan Pustaka, Ampang Selangor 1991, m.s.7 (terjemahan).

<sup>9</sup> *ibid.*

### 3. Undang-Undang Islam Pada Masa Penjajahan Belanda

Dasar penjajah Belanda sentiasa bercanggah dengan Islam yang dianggap sebagai satu faktor berpengaruh yang menentang penjajahan Belanda. Inilah yang menjadi ciri-ciri tetap dasar perundangan Belanda dan ini menggambarkan keutamaan yang diberikan keadilan kepada keadilan sekular melebihi keadilan agama. Agama Islam ditakrifkan sebagai budaya Indonesia, atas dasar ini penjajah Belanda beranggapan perundangan Islam hanyalah di bawah ciri-ciri budaya tempatan yang dilahirkan menerusi adat.<sup>10</sup>

Bagi pentadbiran penjajah Belanda adat lebih dipentingkan dari agama Islam, malah teori perundangan penjajah Belanda hampir keseluruhannya tertumpu pada adat dan undang-undang antara kaum. Kedudukan agama Islam sering diketepikan. Walaupun kadang-kadang ada diberikan tolak ansur yang mengutamakan amalan Islam dalam bidang perundangan, ini hanyalah sedikit jika dibandingkan dengan perundangan lain.

Namun kehidupan, pemikiran, masa dan tempat boleh mempengaruhi undang-undang yang ada. Oleh itu penjajah Belanda merasa perlu untuk menyatukan peraturan orang Islam dalam undang-undang yang baru iaitu undang-undang untuk orang Islam.

Maka undang-undang yang pertama dibentuk ialah Dekri Diraja tahun 1882 yang menubuhkan apa yang dikenali sebagai Mahkamah Paderi. Matlamat Dekri ini ialah untuk menubuhkan tribunal yang berkeupayaan memutuskan isu

---

<sup>10</sup> *ibid*, m.s. 282.

undang-undang keluarga apabila pihak-pihak yang terlibat terdiri daripada orang Islam. Oleh kerana kebanyakan rakyat Indonesia juga tertakluk kepada undang-undang adat yang ditadbir di Mahkamah Bumiputera. Dekri ini terkecuali daripada bidang kuasa sekular yang sedia ada. Ini dijelaskan dalam syarat-syarat Dekri tersebut.<sup>11</sup>

Perkara 1 menubuhkan Mahkamah Paderi, sebagai Mahkamah Bidang Kuasa Bersama dengan Mahkamah Bumiputera di Jawa dan Madura. Hanya di kawasan-kawasan tersebut Dekri ini terpakai. Mahkamah Paderi ini terdiri daripada Presiden yang dilantik daripada kalangan pegawai Mahkamah Bumiputera, ditambah dengan sekurang-kurangnya tiga orang dan paling banyak lapan orang Paderi Islam (iaitu kadi). Ahli-ahli dilantik oleh Gabenor Jeneral mengikut Perkara 119 (berkaitan wilayah yang ditadbir secara langsung) dan Perkara 111 (berkaitan wilayah yang ditadbir secara tidak langsung).<sup>12</sup>

Perkara 2 yang asal dalam Dekri 1882 (kemudiannya digantikan pada tahun 1937) memberi bidang kuasa kepada Mahkamah Paderi untuk memutuskan pertikaian tentang perkahwinan, perceraian dan rujuk. Sebagai tambahan Mahkamah Kadi mempunyai bidang kuasa untuk menentukan perwarisan dan untuk mengesahkan wakaf, iaitu hal chwal harta yang secara langsung melibatkan bidang kuasa (sivil) Mahkamah Bumiputera. Di Mahkamah Bumiputera, bentuk harta yang sama ditimbulkan dalam aduan menurut adat. Bidang kuasa ini ditarik balik dalam perundangan tahun 1937. Mahkamah kadi ini tidak berkeupayaan mengadili kes-kes yang melibatkan

---

<sup>11</sup> M.B. Haoker, *Undang-Undang Islam di Asia Tenggara*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Ampang Selangor 1991, m.s.7 (terjemahan).

<sup>12</sup> *ibid.*

pemakaian undang-undang sivil (Belanda) berkaitan perkahwinan. Peruntukan yang lain dalam Dekri 1882 sebahagian besarnya berkaitan dengan pentadbiran. Perkara 3 memperuntukkan bahawa Presiden Mahkamah Kadi ini mesti bersidang dengan sekurang-kurangnya tiga ahli untuk mengesahkan perbicaraan. Presiden mempunyai kuasa kata putus. Semua dekri dan keputusan Mahkamah Kadi ini hendaklah disimpan secara bertulis dan disertakan dengan tarikh, nama pihak-pihak yang terlibat dan saksi-saksi serta penghakiman yang dijatuhkan dan ini perlu ditandatangani oleh Presiden.<sup>13</sup>

#### **4. Undang-Undang Perkahwinan Indonesia Selepas Merdeka**

Setelah pihak bersekutu dikalahkan oleh pihak Jepun maka bermulalah penjajah Jepun memerintah (1942-1945) dirantau Asia Tenggara dan bagi Indonesia banyak memberi kesan yang mendalam terhadap politik negara tersebut termasuk juga politik Islam, iaitu penjajah Jepun telah membentuk "Pejabat Hal Ehwal Islam". Setelah Jepun menyerah kalah, rakyat Indonesia mengisytiharkan kemerdekaan dan Kementerian Agama dibentuk pada 2 Januari 1946.<sup>14</sup>

Pada mulanya kementerian ini mempunyai tiga bahagian dan kemudian menjadi empat bahagian iaitu Islam, Katolik, Protestan dan Hindu-Buddha. Bagi orang Islam kewujudan Kementerian Agama menunjukkan bahawa Indonesia bukan negara takutkan Islam, sebaliknya Indonesia adalah negara sekular. Fungsi Kementerian Agama ialah:

---

<sup>13</sup> *ibid.*

<sup>14</sup> M.B. Haaker, *Undang-Undang Islam di Asia Tenggara*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Ampang Selangor 1991, m.s.7 (terjemahan).

1. Untuk percaya kepada tuhan yang maha esa
2. Memastikan setiap individu mempunyai kebebasan beragama.
- 3 Menyokong semua pergerakan agama.
4. Untuk mengada, mengurus dan memerhatikan pendidikan agama di sekolah kerajaan.
5. Menyokong dan meneliti dan pengajaran di pondok-pondok dan madrasah.
6. Untuk mengendalikan dan menyediakan pendaftaran perkahwinan, rujuk, perceraian dikalangan orang Islam.
7. Menguruskan pendidikan agama di daerah-daerah dan mahkamah tinggi Islam.
8. Pengurusan dan mendaftarkan harta wakaf.
9. Untuk menyelia pengerjaan haji.
10. Menggalakkan pengamalan agama.<sup>15</sup>

Dari semenjak kemerdekaan diistiharkan beberapa undang-undang dibuat untuk menggantikan undang-undang penjajah yang tidak sesuai, sebagai tindakan lanjut sebuah lembaga dibentuk yang disebut Lembaga Pembinaan Undang-Undang Nasional.<sup>16</sup>

Beberapa undang-undang telah dihasilkan seperti Undang-Undang Pokok Agrasia, Undang-Undang Pokok Kehakiman Kepolisian, Pendakwaraya dan lain-lain. Sebagai contoh undang-undang yang telah dihasilkan oleh Lembaga Pembinaan Undang-Undang Nasional iaitu sebagai tentang undang-undang perkahwinan adalah seperti berikut :

---

<sup>15</sup> *ibid.*, m.s. 291

<sup>16</sup> *ibid.*, m.s. 291

1. Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 1 tahun 1974 tentang perkahwinan.
2. Peraturan Pemerintah Republik Indonesia No. 9, tahun 1975 tentang Pelaksanaan Undang-Undang No. 1 tahun 1974 tentang Perkahwinan.
3. Peraturan Menteri Agama No. 3 tahun 1975.
4. Aturan tentang Pengadilan Agama (Raad Agama) dan Mahkamah Islam Tinggi di Tanah Jawa dan Madura.
5. Keputusan Menteri Agama No. 71 tahun 1976.
6. Reglemen Peradilan Agama Untuk Sebahagian Residensi Kalimantan Selatan dan Timur Staatsblad 1937 No. 638.
7. Peraturan Pengadilan Agama/Mahkamah Syaria di luar Jawa-Madura Peraturan Pemerintah No. 45 tahun 1957.
8. Biro Peradilan Agama tentang Pelaksanaan P.P. No. 45 tahun 1957.
9. Pengadilan Umum
10. Undang-Undang Tentang Pencatatan NTR No. 32 tahun 1954 No. 22 tahun 1946.
11. Catatan Sipil.

## 5. Keanekaragaman Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia dan Indonesia

Terdapatnya keanekaragaman undang-undang keluarga yang ada di negara-negara Malaysia dan Indonesia itu sesungguhnya adalah merupakan akibat daripada politik undang-undang yang dijalankan dahulu semasa kedua negara tersebut masih di bawah kekuasaan/pengaruh Inggeris (Malaysia) dan Belanda (Indonesia). Seperti yang diketahui bahawa keanekaragaman undang-undang berlaku itu tidak hanya terbatas pada undang-undang keluarga sahaja, akan tetapi meliputi juga undang-undang keseluruhannya. Menjadi pertanyaan kini, politik undang-undang yang bagaimanakah gerangan yang dilakukan oleh kedua negara Eropah itu sehingga melahirkan adanya keanekaragaman.

Sebagaimana penulis telah menerangkan dalam bab ini juga mengenai sejarah undang-undang itu sendiri, sebelum datang Islam undang-undang yang digunakan pada zaman kerajaan Melayu, undang-undang adat yang kadangkadangkang berlainan antara satu dengan yang lain. Ada dua macam undang-undang adat yang berlaku pada masa ini iaitu undang-undang yang dikenal sebagai Adat Perpatih dan Adat Temenggung. Adat Perpatih berlaku di Negeri Sembilan dan juga Melaka sedang Adat Temenggung di tempat-tempat lain.<sup>17</sup>

Setelah agama Islam yang datang kemudiannya ke Semenanjung Tanah Melayu mulai mengembangkan sayapnya. Agama Islam yang pada mulanya berperanan pada bidang-bidang yang berkaitan dengan hal ehwal agama yang dianut saja secara meluas di kalangan penduduk. Lama kelamaan agama Islam

---

<sup>17</sup> M.B. Haoker, *Undang-Undang Islam di Asia Tenggara*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Ampang Selangor 1991, m.s.7 (terjemahan).

ini dapat mempengaruhi kehidupan orang-orang Melayu dan agama Islam menjadi prinsip dasar undang-undang yang disesuaikan dengan adat.

Setelah orang-orang Inggeris yang kemudian menginjakkan kakinya di bumi Melayu dan daerah-daerah lainnya yang kini dikenal dengan Malaysia, membawa serta undang-undang dan berusaha pula demi kepentingannya menggunakan undang-undang tersebut sedapat yang boleh bagi semua penduduk. Tetapi walau bagaimanapun pada umumnya undang-undang Inggeris itu tidak dipakai pada kes-kes yang berkaitan dengan undang-undang keluarga seperti perkahwinan, perceraian, perwarisan dan lain-lain. Terhadap persoalan-persoalan tersebut masih tetap dipakai undang-undang yang lazim dan peraturan agama mereka. Para hakim menyedari jika dipaksakan juga pemakaian undang-undang Inggeris terhadap persoalan-persoalan tersebut sudah pasti akan menyebabkan banyak terjadi hal-hal yang tidak dikehendaki.

Sejarah undang-undang pentadbiran agama Islam di Malaysia adalah merupakan perkembangan berterusan ke arah pelaksanaan ajaran Islam. Sebagaimana penulis ceritakan di awal bab ini, keanekaragaman undang-undang Islam di Malaysia adalah disebabkan oleh penjajah. Walau pun pentadbiran undang-undang penjajah menitikberatkan Islam, tetapi hanya ajaran-ajaran yang diperlukan secara langsung sahaja ini adalah untuk mengelak daripada menghina amalan keagamaan orang cayu dengan nama Muhamadan dan Mariage and Devorce. Ini adalah permulaan menyebabkan undang-undang Islam terhadap Undang-Undang Keluarga Islam sahaja.

Seterusnya adat tempatan telah menghadkan pemakaian undang-undang Keluarga Islam disetengah tempat dalam setengah-setengah perkara-perkara.